



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1963](#) > [December](#) > [3](#) > [Page 2](#) > [BANYAK SEKOLAH TIDAK MENGADAKAN HARI IBU BAPA KERA...](#)



BANYAK SEKOLAH TIDAK MENGADAKAN HARI IBU BAPA KERANA TA' MAMPU

Berita Harian, 3 December 1963, Page 2

Share    

 Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)

BANYAK SEKOLAH TIDAK MENGADAKAN HARI IBU BAPA KERANA TA' MAMPU

 **K**AJANG, Ithnin.—Ba-
nyak sekolah2 ke-
bangsaan di-daerah
Ulu Langat dan Ka-
jang tidak dapat me-
ngadakan hari ibu ba-
pa pada tahun ini ke-
rana banyak ibu bapa
murid2 tidak mampu
membayar wang un-
tok mengadakan hari
ibu bapa kerana ke-
adaan meleset seka-
rang ini di-kampong2
Guru Pelawat daerah Ulu
Langat Che'gu Mohd.
Yasin bin Ma'mor mem-
beri tahu Berita Harian
bahawa banyak sekolah
kebangsaan di-daerah ini

 menangguhkan upacara
hari ibu bapa pada tahun
ini kerana kesusahan pen-
duduk2 kampung akibat
harga getah turun seka-



rang ini.

Che'gu Mohd. Yasin juga menerangkan banyak Lembaga Pengurus Sekolah2 Kebangsaan di-daerah ini telah meminta pihak guru2 besar di-sekolah menangguh perjumpaan hari ibu bapa itu menimbangkan kesusahan yang di-hadapi oleh orang2 kampung sekarang.



Kemajuan

Lembaga Pengerus Sekolah Sungai Merab Kajang Inche' Yunos bin Mihad memberi tahu Berita Harian bahawa sunggoh pun ibu bapa sedar bahawa hari ibu bapa itu ia-lah untuk kemajuan anak2 yang sedang belajar di-sekolah2 tetapi ibu bapa daerah ini tidak dapat membayar wang untuk mengadakan hari ibu bapa kerana kesusahan hidup.

Inche' Yunos juga menerangkan sekarang ini musim hujan. Harga getah telah turun 60 sen sekati. Itu-lah sebab-nya ibu bapa tidak mampu membayar wang mengadakan hari ibu bapa.



NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31